

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

MINDEF terus perkasa inisiatif kesihatan ATM

Lima HAT akan lalui proses selenggara, tambah baik babit kos RM37.93 juta

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan (MINDEF) terus memperkasa inisiatif kesihatan am dengan menyelenggara dan menambah baik beberapa fasiliti kesihatan kendalian Kor Kesihatan Diraja (KKD) Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Ia membabitkan hospital angkatan tentera (HAT), Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT), Pusat Perubatan Angkatan Tentera (PPAT) dan Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT).

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata tumpuan inisiatif berkenaan diberikan kepada warga MINDEF, anggota ATM, Veteran ATM dan ahli keluarga mereka.

Beliau berkata, inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada usaha berterusan MINDEF dan ATM bagi membela kebaji-

kan, sekali gus mengekalkan moral pihak berkaitan sepanjang melaksanakan tugas.

Sehubungan itu, katanya, lima HAT akan melalui proses penyelenggaraan dan penambahbaikan, membabitkan kos keseluruhan bernilai RM37.93 juta.

"Sebanyak RM4.67 juta diperuntukkan bagi menambah baik peralatan perubatan, RM2.6 juta untuk penyelenggaraan bangunan dan RM30.66 juta untuk bekalan ubatan.

"Ia membabitkan HAT Tuanku Mizan di sini; 94 HAT Kem Terendak, Melaka; 96 HAT TLDM Lumut, Perak; HAT Wilayah Kota Kinabalu, Sabah dan Hospital Tentera Darat (HTD) Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan," katanya ketika menyempurnakan Program Inisiatif Kesihatan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mueez Abd Aziz dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zain.

Terdahulu, Hishammuddin turut melawat pakar HAT Tuanku Mizan bagi mendapatkan perkembangan terkini penugasan serta maklum balas mereka mengenai aspek penambahbaikan di hospital berkenaan.

Hishammuddin berkata, pelaksanaan inisiatif berkenaan turut membabitkan kerja penyelenggaraan dan penambahbai-



Hishammuddin (empat dari kiri) bersama Khairy melihat kemudahan dewan pembedahan bergerak pada Program Inisiatif Kesihatan di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

kan 19 RSAT, 48 PPAT dan 40 PGAT di seluruh negara.

Bagi tujuan itu, katanya, sebanyak RM13.3 juta diperuntukkan untuk kerja penyelenggaraan dan RM61 juta bagi tujuan ubatan serta peralatan perubatan.

Beliau berkata, ATM juga melaksanakan pemerolehan 50 unit Ambulans Medan, membabitkan kos bernilai RM27 juta, selain kemudahan itu dijangka diterima pada Disember ini.

"ATM juga akan melaksanakan pembelian dua unit Hospital Medan tambahan, membabitkan kos keseluruhan bernilai RM47 juta.

"Pembelian ini penting sebagai persediaan ATM mengatur gerak lebih banyak Hospital Medan jika diperlukan Kementerian Kesihatan (KKM) pada masa akan datang, termasuk ketika musim tengkujuh.

"Saya juga menerima laporan bahawa HAT Kem Terendak memerlukan perhatian lebih daripada selenggaraan biasa, selain HAT Tuanku Mizan. Justeru,

Muez sudah diarah mempercepat proses tender pembinaan baharu HAT Kem Terendak dengan kos RM325 juta," katanya.

AS sumbang peralatan

Dalam pada itu, Hishammuddin yang juga Ahli Parlimen Sembrong turut berterima kasih kepada Amerika Syarikat (AS) susulan kerjasama dalam bidang kesihatan dalam tempoh lima tahun.

Kerjasama itu katanya, dimekarkan menerusi hubungan erat Malaysia-AS, Medical Command, USINDOPACOM bersama ATM untuk membangunkan kapasiti Perkhidmatan Kesihatan ATM dalam pelbagai aspek.

"Buat permulaan, AS sudah menyumbangkan peralatan perubatan pelbagai jenis kepada KKD, membabitkan kos keseluruhan AS\$3 juta (RM13.83 juta), selain bersetuju bekerjasama bagi membangunkan 'Military Medicine Centre of Excellence'.


"Saya juga menzahirkan penghargaan kepada Emiriah

Arab Bersatu (UAE), Australia dan Arab Saudi atas sokongan penuh serta pembabitkan mereka menjayakan pembangunan 'Military Medicine Centre of Excellence' ini.

Mengulas lanjut, katanya, MINDEF juga amat menghargai kerjasama semua pihak, termasuk KKM dalam usaha memperkasa inisiatif kesihatan ATM, selain yakin kerjasama akan berterusan terutama dalam memastikan pelaksanaan setiap rancangan.

"Saya sendiri akan melakukan tinjauan ke HAT dan fasiliti kesihatan ATM di seluruh negara secara berkala demi memastikan semua kerja penambahbaikan berjalan lancar demi kepentingan warga pertahanan termasuk Veteran ATM serta ahli keluarga mereka.

"Saya turut zahir penghargaan dan rasa bangga atas komitmen pakar di HAT Tuanku Mizan dalam memainkan peranan penting, terutama ketika KKM menangani penularan pandemik COVID-19," katanya.



Jabatan Perubatan Hiperbaric yang menempatkan Hyperbaric Chamber (Kebuk Mampatan).



Jabatan Perubatan Rehabilitasi di HAT Tuanku Mizan.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 11
 RUANGAN : LOKAL

Oleh Amir Abd Hamid
 amir_hamid@mediapri-
 ma.com.my

Putrajaya

Program Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok (Kotak) yang dilaksanakan Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memabihkan aktiviti pencegahan dan intervensi mampu menyumbang ke arah pembentukan generasi Malaysia bebas tembakau atau *Generational End Game* menjelang 2040 seperti yang dihasratkan kerajaan.

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) KKM Dr Noormi Othman berkata, program Kotak adalah inisiatif strategik pencegahan dan intervensi merokok dalam kalangan pelajar sekolah.

Menurutnya, program yang bermula sejak 2016 itu memabihkan kerjasama strategik di antara Program Kesihatan Pergigian, Bahagian Kawalan Penyakit, KKM dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Tujuan program ini adalah untuk mencegah, membendung seterusnya menurunkan tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah menerusi aktiviti pencegahan dan intervensi.

"Program dilaksanakan menerusi lawatan ke sekolah

Fokus cegah merokok

Program Kotak KKM bendung aktiviti tak sihat bermula dari sekolah

oleh pegawai dan juruterapi pergigian. Program ini elemen tambah baik dalam Program Kesihatan Pergigian secara inkremental sedia ada yang mensasarkan murid-murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah di seluruh negara.

"Perkhidmatan pergigian di sekolah dijalankan secara tahunan. Ini bermakna murid yang sama akan mendapat intervensi dan penguatkuasaan mesej berkaitan dengan perihai tidak merokok pada setiap tahun," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Pakar Pergigian Kesihatan Awam KKM itu berkata, program yang berterusan seumpamanya mampu menyumbang ke arah pembentukan generasi Malaysia bebas tembakau

atau GEG.

Menurutnya, pegawai dan juruterapi pergigian akan menjalankan pemeriksaan mulut untuk mengesan sebarang masalah kesihatan mulut dan dalam masa yang sama menjalankan saringan amalan merokok dalam kalangan murid sekolah.

"Pegawai kita sudah dilatih untuk mengenal pasti murid yang merokok dan murid berisiko tinggi untuk merokok, ia supaya usaha pencegahan dan intervensi dapat dilakukan seperti sesi kaunseling oleh pegawai pergigian yang terlatih dan merujuk murid atau pelajar sekolah kepada guru kaunseling.

"Sejak 2016 dilaksanakan, data terkini yang lebih menyeluruh

adalah pada 2019 program Kotak berjaya membuat saringan terhadap hampir 100 peratus murid sekolah di mana seramai 2.7 juta atau 99.4 peratus murid sekolah rendah dan 1.95 juta atau 97.4 peratus murid sekolah menengah disaring.

"Daripada saringan itu, didapati perokok semasa adalah seramai 1,240 (0.04 peratus) dalam kalangan murid sekolah rendah dan 63,769 (3.4 peratus) dalam kalangan murid sekolah menengah," katanya.

Dr Noormi berkata, daripada 855 murid sekolah rendah yang menjalani intervensi, seramai 762 iaitu 89 peratus sudah mengambil tindakan untuk berhenti merokok, manakala bagi pelajar sekolah menengah pula daripada 39,340 yang menjalani intervensi, seramai 17,767 atau 45 peratus pelajar sudah mengambil tindakan untuk berhenti merokok.

Bagaimanapun, katanya, program Kotak turut terkesan akibat pandemik Covid-19 pada 2020 di mana sekolah ditutup dan 2021 sesi per-

sekolahan belum dibuka sepenuhnya, maka data yang diperoleh tidak menggambarkan secara keseluruhan program.

"Apa pun, KKM sudah menyediakan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 terutama dengan pelaksanaan GEG yang bertujuan melindungi generasi masa depan daripada ancaman sebarang produk merokok.

"Usaha ini amatlah baik. Satu langkah bertepatan dalam usaha negara mencapai negara bebas asap rokok dan melahirkan generasi masa depan yang tidak merokok.

"Selama beberapa dekad lalu, kerajaan berusaha dengan pelbagai pendekatan dalam mendepani permasalahan merokok.

"Kempen Tak Nak Merokok, perkhidmatan klinik berhenti merokok, kawasan bebas merokok, amaran bergambar di kotak rokok, Kempen Speak Out dan polisi-polisi tertentu seperti Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PP-KHT) 2004 adalah antara inisiatif dalam usaha kerajaan memerangi masalah merokok," katanya.

Menurutnya, namun begitu usaha dibuat masih ti-

dak mencukupi untuk mendepani permasalahan yang ditimbulkan disebabkan oleh merokok.

Katanya, kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak RM6.2 bilion bagi merawat pesakit merokok pada 2020 berbanding kutipan cukai produk tembakau RM3 bilion.

"Di Malaysia, larangan penuh penjualan rokok elektronik dan vape dicadangkan terhadap golongan GEG bertujuan menurunkan peratusan merokok sehingga mencapai sasaran kurang lima peratus daripada keseluruhan populasi menjelang 2040 berbanding kira-kira 21 peratus ketika ini.

"Dianggarkan dua juta nyawa mampu diselamatkan daripada kematian disebabkan penyakit berkaitan aktiviti merokok dalam tempoh sehingga 2040 sekiranya RUU GEG ini diluluskan.

"Ini kerana remaja adalah golongan yang mudah terdedah dengan tingkah laku berisiko merokok dan ini disokong berdasarkan hasil tinjauan pada 2017 yang mendapati 13.8 peratus remaja berusia 13 hingga 17 tahun adalah perokok," katanya.

Dr Noormi berkata, justeru RUU GEG ini dilihat sebagai inisiatif tepat di mana kerajaan mendepani masa dalam usaha menamatkan tingkah laku berisiko dan memberikan perlindungan kepada generasi baharu.



"Pegawai kita sudah dilatih untuk mengenal pasti murid yang merokok"
 Dr Noormi

Sepang: AirAsia menyokong usaha kerajaan mengawal produk tembakau dan melaksanakan polisi Generasi Penamat (Generational Endgame atau GEG) kerana akan melahirkan generasi muda lebih cergas dan cerdas selain menjadi modal insan lebih cekap.

Ini kerana ia langkah selari dengan peneraju tambang rendah global itu sebagai syarikat penerbangan pertama yang melaksanakan polisi bebas penjualan produk tembakau dalam penerbangan, larangan merokok dengan jarak 500 meter dari premis pejabat AirAsia di serata dunia serta melarang penjualan produk tembakau pada platform *online OURSHOP* sejak 2019.

Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Malaysia Riad Asmat berkata, AirAsia antara syarikat korporat yang mengamalkan polisi *Smoke-free workplace* atau tempat kerja bebas tanpa amalan merokok.

"Kesihatan dan kesejahteraan Allstars (warga AirAsia) adalah keutamaan

AirAsia sokong polisi bebas produk tembakau

Berkuat kuasa 1 Oktober 2019, kami mengisytiharkan larangan merokok dan vape di sekitar 500 meter di semua pejabat kami di seluruh rantau ini, bukan hanya di RedQ dan Malaysia sahaja"

Riad

kami. Berkuat kuasa 1 Oktober 2019, kami mengisytiharkan larangan merokok dan vape di sekitar 500 meter di semua pejabat kami di seluruh rantau ini, bukan hanya di RedQ dan Malaysia sahaja.

"Kami juga memutuskan untuk berhenti menjual rokok bebas cukai di dalam penerbangan bermula 1 Oktober 2019. Papan tanda larangan merokok juga dipa-

sang di sekitar premis pejabat untuk menggalakkan Allstars tidak merokok semasa waktu bekerja," katanya dalam temubual di ibu pejabat AirAsia RedQ, di sini, baru-baru ini.

Justeru dengan usaha itu juga, katanya, pada 2019, AirAsia dipilih untuk menerima pengiktirafan *Blue Ribbon Award* iaitu anugerah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ke atas inisiatif individu atau badan korporat yang menyokong usaha mewujudkan persekitaran bebas tanpa amalan merokok.

Malah, katanya, sejak 2017 apabila mula berpindah ke ibu pejabat di RedQ yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, perkara pertama dibuat adalah tidak membenarkan kedai serbaneka di pejabat itu menjual rokok.

"Bukan sahaja Allstars, malah pelawat juga tidak dibenarkan merokok di dalam bangunan

kami. Namun, bagi Allstars memerlukan bantuan untuk berhenti merokok, mereka boleh menghubungi pasukan Kemudahan dan Kesejahteraan kami yang akan memberikan mereka sokongan diperlukan.

"Kami memberikan garis panduan yang jelas kepada Allstars mengenai inisiatif bebas rokok. Kami mengan-

jurkan ceramah, kempen kesedaran berhenti merokok oleh doktor, profesional bertauliah di seluruh negara.

"Pada 2020, kami menganjurkan ceramah dalam talian bersama-sama Dr Hans Saadah Husin dari Pusat Perubahan MSU untuk terus menggalakkan Allstars berhenti merokok.

Riad menunjukkan sijil penghargaan premis bebas rokok yang dikira oleh KKM.

"Beberapa inisiatif dalam perancangan kepada Allstars yang memerlukan bantuan untuk berhenti merokok termasuk memperkenalkan aplikasi kesihatan dalam talian (ONEHealth) untuk perundingan dan kaunseling dengan doktor kesihatan tempatan berpejabat dalam atau ahli psikologi boleh diakses di seluruh dunia," katanya.

Riad berkata, AirAsia turut bekerjasama dengan syarikat yang mengedarkan terapi penggantian nikotin untuk memberi subsidi atau menaja produk penggantian nikotin kepada Allstars.

Selain itu, pihaknya meningkatkan faedah perubatan semasa termasuk subsidi atau insentif untuk Allstars dengan pengurangan tuntutan perubatan atau tanpa bonus tuntutan.



RIAD menunjukkan sijil penghargaan premis bebas rokok yang dikira oleh KKM.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

TLDM terima kapal pertama dalam masa 2 tahun lagi

Umum perkembangan LCS minggu depan

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertahanan (Mindef) akan mengemukakan perkembangan terperinci berkaitan projek Kapal Tempur Pesisir (LCS) pada minggu hadapan.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, banyak perkara akan diumumkan nanti berkaitan apa yang telah dilakukan dalam tempoh enam bulan semasa dalam tempoh mobilisasi.

"Banyak perkara yang orang tidak tahu kita telah lakukan selama ini dan kalau tidak salah saya dalam beberapa hari lagi kita akan nyatakan apa yang telah kita lakukan dalam proses mobilisasi.

"Saya harap hujung tahun proses mobilisasi ini telah dapat

memenuhi semua kehendak kita dan kita boleh melihat proses pembinaan kapal pertama," katanya pada sidang akhbar semasa mengadakan lawatan di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Wangsa Maju, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Hishammuddin memaklumkan bahawa pihaknya juga telah berjaya menghidupkan kembali hubungan dengan syarikat pembekal dan vendor projek berkenaan dari dalam dan luar negara.

"Mindef juga telah berbincang dengan bank-bank yang terlibat dalam projek ini bahawa kerajaan telah putuskan projek pembinaan kapal LCS ini akan diteruskan," ujarnya.

Hishammuddin berkata, semua perkembangan itu akan diperincikan dan diumumkan pada minggu hadapan.

Sebelum ini, Mindef diberi masa enam bulan bagi memobilisasikan usaha menghidupkan semula projek itu dan beliau percaya kapal pertama akan diterima TLDM dalam masa dua tahun lagi.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendedahkan tiada satu pun LCS telah disiapkan walaupun kontrak projek bernilai RM6.083 bilion itu memperuntukkan lima daripada enam kapal tersebut seharusnya disiapkan dan diserahkan setakat Ogos 2022.

Pada masa sama, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaklumkan telah melengkapkan kertas siasatan terhadap beberapa individu yang mempunyai kaitan dengan dakwaan penyelewengan dalam pengendalian projek pembinaan LCS.



HISHAMMUDDIN (kiri) melawat dan meninjau fasiliti dan kemudahan Jabatan Perubatan Hiperbarik, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Wangsa Maju di Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID



SEORANG pesakit menjalani fisioterapi di gimnasium Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur semalam.

Kerjasama KKM, ATM hadapi banjir

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pertahanan (Mindef) akan mewujudkan satu rangka kerja baharu dalam menghadapi bencana ketika negara memasuki musim tengkujuh ketika ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kerjasama kedua-dua kementerian itu penting agar dapat mengoptimalkan penggunaan aset dan sumber sedia ada.

"Contohnya jika di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan ada keperluan sumber manusia yang mungkin boleh ditampung oleh KKM.

"Begitu juga Angkatan Tentera Malaysia (ATM), mungkin ada peralatan atau jentera di kawasan pedalaman yang ada ATM, tetapi tiada pada KKM yang boleh digunakan apabila diperlukan," katanya pada sidang akhbar selepas melakan lawatan ke HAT Tuanku Mizan, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zain.

Ujar Khairy Jamaluddin, kerjasama terjalin antara KKM dan Mindef itu bukan perkara baharu kerana kedua-dua kementerian pernah mengadakan hospital-kerjasama erat sewaktu negara dilanda pandemik Covid-19.

Dalam pada itu, katanya, pada Mesyuarat Jemaah Menteri lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob juga telah mengarahkan kedua-dua kementerian bersiap siaga untuk berdepan musim tengkujuh dan bencana banjir.

Katanya, beliau dan Hishammuddin juga telah diberi taklimat kesiapsiagaan ATM dan KKM untuk membantu Majlis Keselamatan Negara (MKN) sekiranya negara dilanda banjir.

"Hari ini (semalam) kami telah diberi taklimat berkenaan kesiapsiagaan ATM dan KKM untuk membantu MKN sekiranya berlaku banjir yang biasanya jatuh pada hujung tahun.

"Jadi jelas di sini, orang lain cakup pasal pilihan raya, tapi Mindef dan KKM bersiap sedia berdepan dengan banjir untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat," ujarnya.

Beliau turut berterima kasih kepada ATM kerana bukan sahaja membantu dalam proses vaksinasi, tetapi bertindak pantas kerana dalam pembinaan hospital-hospital medan di beberapa negeri ketika pandemik.

"Sebab itu, KKM menyokong perolehan ATM, Mindef, MKN untuk menambah peralatan dalam usaha memantapkan lagi kesiapsiagaan hospital-hospital medan pada masa akan datang," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : LOKAL



SEBAHAGIAN pesakit menunggu giliran di Jabatan Pesakit Luar sempena Program Inisiatif Kesihatan HAT Tuanku Mizan.

Kuala Lumpur

Kementerian Pertahanan akan melaksanakan perolehan dua unit hospital medan tambahan membabitkan kos keseluruhan RM47 juta bagi menghadapi sebarang bencana dan kecemasan.

Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, langkah itu penting sebagai persediaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengatur gerak lebih banyak hospital medan, sekiranya diperlukan termasuk ketika musim tengkujuh ini.

"Kementerian Pertahanan kini dalam tahap ke-siapsiagaan yang tinggi untuk membantu agensi berkaitan dan menunggu arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang di-pengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob," katanya selepas melawat Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan, semalam.

Turut hadir Menteri Ke-

Peroleh 2 hospital medan RM47j

*Persediaan ATM hadapi
bencana, kecemasan termasuk
ketika musim tengkujuh ini*

sihatan Khairy Jamaluddin dan Panglima Tentera Darat Jen Tan Sri Zamrose Mohd Zain.

Semasa negara berdepan pandemik Covid-19, ATM mengoperasikan 10 hospital medan di seluruh negara

membantu merawat pesakit.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, kementerian akan menaik taraf perkhidmatan dan kemudahan kesihatan miliknya dengan kesemua

lima HAT bakal melalui proses selenggaraan serta penambahbaikan.

Beliau berkata, ia membabitkan perbelanjaan RM30.66 juta untuk bekalan ubatan, RM4.67 juta bagi menambah baik peralatan perubatan dan RM2.6 juta bagi selenggaraan bangunan.

Selain itu, Hishammuddin berkata, pihaknya menerima laporan mengenai HAT Kem Terendak yang memerlukan perhatian lebih daripada selenggaraan biasa serta mengarahkan supaya proses tender pembinaan HAT Kem Terendak baharu dengan kos RM325 juta disegerakan.

Menurutnya, 19 Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT), 48 Pusat Perubatan Angkatan Tentera (PPAT) dan 40 Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT) juga akan melalui proses selenggaraan dan penambahbaikan dengan kos RM61 juta untuk ubatan serta peralatan perubatan dan RM13.3 juta untuk penyelenggaraan.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : K29

Bapa perokok, anak berisiko tinggi hidap asma

KANAK-KANAK kemungkinan tinggi menghidap asma jika terdedah kepada asap tembakau sewaktu membesar.

Menurut penyelidik, mereka juga berisiko berdepan masalah paru-paru jika bapa mereka adalah perokok.

Penemuan kajian itu diterbitkan dalam *European Respiratory Journal* yang memberikan bukti tentang kemungkinan wujud kesan trans generasi, yang mana merokok boleh merosakkan kesihatan orang yang dilahirkan dua generasi kemudian.

"Kami dapati risiko asma kanak-kanak meningkat 59 peratus jika terdedah kepada asap rokok bapa pada zaman kanak-kanak, berbanding kanak-kanak yang bapanya tidak merokok.

"Risiko juga lebih tinggi hingga 72 peratus jika bapa terdedah kepada perokok pasif lain dan pada masa sama aktif merokok," kata salah seorang pengarang jurnal dari Universiti

Infiniti

Skop sains

Melbourne, Jiangcheng Li.

Kajian itu dijalankan sekumpulan penyelidik dari Australia, Britain dan Sri Lanka.

Pengarang bersama jurnal, Dr. Dinh Bui berkata, berdasarkan penyelidikan itu, mereka menemui bagaimana kerosakan disebabkan oleh tabiat merokok boleh memberi kesan bukan sahaja kepada perokok, tetapi juga terhadap anak cucu mereka.

"Kesimpulannya, lelaki harus cuba mengelak daripada merokok untuk mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan kesihatan anak atau keturunan mereka," jelasnya.

Sementara itu, Pengurus Dasar Kesihatan di Asthma+Lung United Kingdom, Jon Foster berkata, penyelidikan itu benar-benar



BAPA yang aktif merokok boleh membahayakan bukan sahaja anaknya, tetapi juga generasi selepas itu. – GAMBAR HIASAN

mengejutkan kerana menunjukkan kesan negatif merokok boleh bertahan untuk beberapa generasi.

Penemuan itu berdasarkan analisis penyelidik data terperinci tentang

kesihatan 1,689 pasangan bapa dan anak mereka yang dikumpulkan sebagai sebahagian daripada Kajian Kesihatan Longitudinal Tasmania yang telah dijalankan di Australia.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Potensi sebabkan ketagih, mudarat kesihatan

Beri kesan terhadap psikomotor, jejas kecekapan tindak balas



FOTO: WWW.BIRLAHOSPITAL.COM

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM SHAH ALAM

Walaupun tidak memberikan kesan begitu kuat terhadap pengguna, pengambilan ganja dalam bentuk minuman yang dijual tanpa kawalan berpotensi menyebabkan ketagihan dan kemudaratan kepada kesihatan diri.

Pakar perubatan, Dr Abu Hasan Samad berkata, ketiadaan kawalan terhadap jualan minuman tersebut dibimbangi mendedahkan ia terhadap kemungkinan penyalahgunaan bahan berbahaya ke dalam produk tersebut.


"Saya bimbang ramai pengedar di luar sana yang akan cuba tambah benda-benda lain ke dalam air ganja tersebut sehingga pengguna jadi ketagih dan ia tentu akan memudaratkan kesihatan.

"Katakan, orang itu tidak tahu ketulenan sebenar air ganja tersebut dan membelinya, mula-mula mungkin dia rasa bagus dan tidak ada apa-apa tetapi tapi lama-lama dia akan ketagih.

"Mengapa jadi begitu? Kerana ada benda lain dalam minuman tersebut yang di-



DR ABU HASAN



Pengambilan ganja dalam bentuk minuman yang dijual tanpa kawalan berpotensi menyebabkan ketagihan dan kemudaratan kepada kesihatan diri.

tambah," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Menurut Dr Abu Hasan, antara bahan-bahan tambahan yang berkemungkinan dimasukkan ke dalam air ganja ialah jenis dadah berat yang lain termasuk bahan kimia seperti manganese dan merkuri.

"Jadi, benda-benda itulah yang membahayakan, di samping boleh menyebabkan mereka rasa seronok dan ketagih," ujarnya.

Beliau turut menegaskan, sebarang penggunaan ganja untuk perubatan perlu

terlebih dahulu mendapatkan preskripsi daripada pegawai perubatan.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, ketagihan terhadap pengambilan ganja secara umumnya akan memberikan kesan terhadap tahap psikomotor seseorang individu dan berupaya menjejaskan kecekapan tindak balas mereka.

"Ia akan menyebabkan keupayaan untuk bertindak balas menjadi perlahan. Contohnya, kalau kita tengah memandu, reaksi kita terhadap lampu merah atau insiden kecemasan akan lambat, malah risiko terlibat dalam kemalangan juga tinggi," ujar Dr Abu Hasan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION/NEWS

ALLOCATIONS FOR REPAIR WORKS

RM38m boost to upgrade armed forces hospitals

KUALA LUMPUR: Healthcare facilities nationwide belonging to the Armed Forces are set for a huge boost with allocations for upgrade, maintenance and repair works.

Senior Defence Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein said that all five armed forces hospitals — Tuanku Mizan Armed Forces Hospital; 94 Armed Forces Hospital Terendak Camp; 96 Armed Forces Hospital, Naval Base Lumut; Armed Forces Hospital, Kota Kinabalu Naval Base and Army Hospital, Syed Sirajuddin Camp — will undergo maintenance and upgrading works worth RM37.93 million.

This includes RM4.67 million to improve medical equipment, RM2.6 million for building maintenance and RM30.66 million for medical supplies.

Besides that, all 19 military clinics, 48 military medical centres and 40 military dental centres will undergo maintenance and improvement works with RM13.3 million allocated for maintenance purposes and RM61 million for medicine and medical equipment, Hishammuddin said.

"The Armed Forces will also purchase two additional field hospital units at a total cost of RM47 million.



Senior Defence Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein speaking to a patient at the Tuanku Mizan Armed Forces Hospital in Wangsa Maju in Kuala Lumpur yesterday. With him is Health Minister Khairy Jamaluddin (fourth from left). PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

"This purchase is important as part of preparations to mobilise more field hospitals if needed by the Health Ministry in the future, including during the monsoon season which is expected to occur at the

end of this year.

"The Armed Forces has also purchased 50 field ambulances at a cost of RM27 million," he said in a press conference after visiting the Tuanku Mizan Armed Forces Hos-

pital in Wangsa Maju here yesterday.

Present were Health Minister Khairy Jamaluddin, Army chief General Tan Sri Zamrose Mohd Zaid and Defence Ministry sec-

retary-general Datuk Seri Muez Abdul Aziz.

Hishammuddin has also ordered the ministry's secretary-general to expedite the tender process for the new Terendak Camp Armed Forces Hospital with an allocation of RM325 million.

He also announced that the United States Indo-Pacific Command had confirmed a cooperation pact with the Armed Forces in the health field for a period of five years, which aims to develop the capacity of its health services in various aspects.

"For a start, the US has contributed medical equipment to the Royal Medical Corps (RMC) with a cost of US\$3 million and has agreed to work together to develop a Military Medicine Centre of Excellence.

"I also express my appreciation to the United Arab Emirates, Australia and Saudi Arabia for their full support and involvement in jointly making the development of this Military Medicine Centre of Excellence a success," he said.

The visit by Hishammuddin and Khairy to Tuanku Mizan Armed Forces Hospital was to ensure welfare aspects continued to be defended comprehensively.

They met with specialists to get the latest developments in their duties as well as feedback on what could be improved in the hospital.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Upgrades for armed forces

Hisham: Allocations for hospitals, facilities, medical equipment

By JUSTIN ZACK
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Upgrades to Armed Forces hospitals and medical facilities are coming, said Defence Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

"Firstly, all five Hospital Angkatan Tentera (HATs) will undergo maintenance and upgrades. As much as RM4.67mil has been allocated to upgrade equipment, while RM2.6mil will be used for building maintenance and RM30.66mil for medical supplies.

"Next, all 19 Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSATs), 48 Armed Forces Medical Centres (PPATs) and 40 Armed Forces Dental Centres (PGATs) will also undergo maintenance and upgrades.

"For this, RM13.3mil will be allocated for maintenance and RM61mil for medical equipment and medicine," he said after a working visit to the Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan in Wangsa Maju yesterday.

The visit was jointly conducted with Health Minister Khairy Jamaluddin.

Hishammuddin also announced that two field hospitals will be purchased at a cost of RM47mil, as well as 40 new field ambulances.



On the ground: (from left) Hishammuddin and Khairy visiting Tuanku Mizan Military Hospital, Kuala Lumpur. — FAIHAN GHANI/The Star

"This is an important purchase in the Armed Forces' preparation to mobilise more field hospitals if needed by the Health Ministry, especially for the floods that are expected to occur at the end of the year," he said.

An additional RM325mil has also been allocated for Kem Terendak HAT, following a report on the current state of the hospital.

In an unrelated matter, Hishammuddin has hit back against Lim Guan Eng after he said the Defence Minister had topped his top 10 list of failed ministers.

"In politics, when someone issues such a statement, it shows that they are worried about what we have accomplished. If they don't care about us, that means we didn't do

our work.

"To Guan Eng, continue on talking. I know that even until the day of judgement comes, he will never say that I am a successful minister," he said.

The former finance minister said that Hishammuddin topped his list of failed ministers following the Littoral Combat Ships (LCS) scandal.

KJ: Health, Defence ministries briefed to help with floods

KUALA LUMPUR: While others are talking about the elections, we are getting ready for the floods, said Health Minister Khairy Jamaluddin.

The Health Minister said that he and Defence Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein were focused on ensuring that both of their ministries would be well prepared to assist the National Security Council (NSC) should floods occur.

"We have been briefed on the preparation levels by the Health and Defence ministries to help the National Security Council in the event of year-end floods.

"It is quite clear that other people are talking about elections, but Mindef and KKM are getting ready to face the floods to ensure the safety of the people," Khairy said at a press conference yesterday.

He added a joint work visit to the Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan was conducted following orders by the Prime Minister to all relevant ministries to prepare for the floods.

Meanwhile, Hishammuddin said preparation work for the floods by both ministries must continue.

"Like what YB Khairy said, people are only thinking about when the elections are and whether we should hold one during a flood.

"What is important is that all parties work together with us. If you can't reach me, contact KJ (Khairy) or my secretary general, and other available lines," Hishammuddin said.

During yesterday's press conference, Khairy revealed that a new framework of partnership between the two ministries is being worked on.

Khairy noted that the partnership between both ministries during the height of the pandemic was much appreciated and seen as effective. The proposed new framework would improve their partnership, including the possibility of more shared human resources and assets.

"After this, seeing that the partnership was very effective, a new framework would be constructed between the two ministries," he said.

Watch the video
TheStarTV.com



Parents urged to get their kids vaxxed

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Despite certain fears about the side-effects of vaccinations, some parents are still sending their children for the jab so that their kids can continue outdoor activities without worrying about getting Covid-19.

Clerk Norhisyam Zamani, 41, who took his six-year-old daughter for her second dose at a local government clinic, said it was a "necessary evil" as his daughter would have a layer of protection from the virus.

"I understand the fears of giving your child vaccines that have only recently come out, but children are exposed more to germs and viruses as they are always touching things.

"This way, I know she is protected

like I am as well," he said when met at the clinic in George Town recently.

Norhisyam said his daughter, on the other hand, was excited about getting her jab.

"She doesn't seem to be afraid of needles or injections, so she is happy to be here. She says it's not painful," he said.

Lim Chai Ling, 41, who works with an insurance agency, brought her five-year-old to the clinic for his first dose.

"He turned five two weeks ago, and we immediately registered him for the vaccine. We had to wait as the clinic needed to get 10 children registered before they could give him the vaccine. I was concerned, as any mother would be, about giving him the vaccine, but his older sister appears to be fine after both doses.

We don't have much choice as children are susceptible to illnesses and it is important that he is protected as he goes to kindergarten.

"We have heard of many outbreaks at kindergartens and schools," she said.

Lim said she would monitor her son to see if he felt well enough to go back to kindergarten.

State health director Datuk Dr Ma'arof Sudin said that 53% of children in Penang between the ages of five and 11 have been fully vaccinated through the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids).

"Although the number exceeds the national average, there are still many children who have not received their vaccinations. We encourage parents to make an appointment for their kids," he said.

There are about 155,800 children aged five to 11 in Penang.

Penang health committee chairman Dr Norlela Ariffin said PICKids is still ongoing, and vaccines for children are still available at specified government clinics for free.

"There are 19 government clinics offering the vaccines for children in the five districts of Penang.

"Appointments must be made before you bring your child for the vaccine," she said, adding there are no plans to stop giving the vaccines for free for the time being.

The Association of Specialists in Private Medical Practice of Malaysia president Datuk Dr Balwant Singh Gendeh said giving children aged between 12 and 15 a booster dose was highly encouraged, especially if they were going to school.

Face mask sales take a dive, even with prices slashed

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

BUTTERWORTH: As Covid-19 subsides and precautionary rules become more relaxed, face masks, sanitisers and similar items are losing market demand, leading to plunging prices.

Many shops with leftover stock are scrambling to clear them by slashing prices and offering big discounts.

A fashion boutique in Bertam,

Kepala Batas, was found selling face masks on a "buy-1-free-3" basis.

"I used to stockpile an entire store-room of face masks as profit was good at the peak of Covid-19, but it has quickly slowed down in recent months.

"With only a small inventory of face masks left, I would rather clear them to make space on the shelves for clothes as business is back to normal.

"These masks used to sell for RM10 per pack of 10 pieces, but with

the promotion now, it's the same price for 40 pieces.

"Even then, many customers are not keen to buy as they hardly need the face masks anymore," said the shop's owner James Lim, 42.

If Lim cannot sell his remaining stock of masks by the end of this month, he plans on disposing them.

At the height of the pandemic, surgical face masks cost RM1.50 a piece, and later peaked to more than RM100 for a box of 50, or RM2 a piece.

On Sept 7, Health Minister Khairy Jamaluddin announced that wearing of face masks indoors will not be mandatory.

However, the use of masks is still compulsory when using public transport, including on commercial aviation and e-hailing, along with health facilities such as clinics and hospitals. Those with Covid-19 symptoms must wear them, while private building owners are allowed to impose face mask rulings on visitors.

At a mobile accessories shop, pro-

moter Intan Syazreen Sobri, 24, said they are offering discounts on face masks, disinfectant spray guns and oximeters.

"Right after the government announced the relaxation of rules on Sept 7, we quickly dropped the prices of face masks from RM18 to RM10 per box. Spray guns, which used to sell for RM78, are now RM38 each. We are still getting a good response from shoppers due to the price drop, but demand is not as high as before," she said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



Hishammuddin and Health Minister Khairy Jamaluddin speaking to patients at the Tuanku Mizan Armed Forces Hospital in Kuala Lumpur yesterday. — **BERNAMAPIX**

LCS project mobilisation to be done by year-end

KUALA LUMPUR: Defence Senior Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein has expressed confidence that mobilisation works on the littoral combat ship (LCS) project will be completed as scheduled by the end of the year.

He added that full details of the mobilisation works would be announced by him soon.

He said as of yesterday, the

ministry had succeeded in restoring ties with local and foreign project suppliers and vendors.

"The Defence Ministry has also begun discussions with the banks involved in the project after the government decided that the LCS construction project should go on, and it is hoped the mobilisation will meet our needs and lead to the building of the

first ship."

He was speaking at a media conference after visiting the Tuanku Mizan Armed Forces Hospital in Wangsa Maju yesterday.

In August, the Defence Ministry was given six months to mobilise efforts to revive the project and it was believed that the first ship would be delivered to the Navy in two years. — **Bernama**

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



Possible to be infected with both dengue and Covid

KUALA LUMPUR: While the Covid-19 pandemic has been on everyone's mind over the past two years, the threat of dengue fever remains a huge concern.

The problem is further exacerbated when diagnosing the disease due to its overlapping symptoms with Covid-19, with their cocirculation causing delays in diagnosis and untimely management.

KPJ Damansara Specialist Hospital consultant paediatrician Datuk Dr Musa Mohd Nordin said it is crucial for parents to know about dengue in order to protect their children.

Common myths such as one cannot get infected with dengue and Covid-19 at the same time, and dengue not being as dangerous as Covid-19, need to be debunked.

"Due to the global magnitude of Covid-19,

dengue seems insignificant next to it. Dengue and Covid-19 cases can either be mild or can cause severe illness that leads to death.

"About one in 20 dengue patients will develop severe dengue which can cause dengue haemorrhagic fever and dengue shock syndrome leading to internal bleeding, organ damage, or even death, if not treated promptly and appropriately. Children under the age of 15 are more susceptible to severe dengue."

Musa said as Malaysia is one of the countries with both dengue and Covid-19 circulating at the same time it has increased the chances of coinfection, making it possible for an individual to get infected with dengue and Covid-19 simultaneously.

Furthermore, he said the symptoms for both Covid-19 and dengue are similar and

overlapping, making differential diagnosis more challenging.

One dengue episode will not provide a lifetime of immunity from the disease as there are four dengue virus (DENV) serotypes or variants: DENV-1, DENV-2, DENV-3, and DENV-4, which means a person can be infected by all four serotypes in their lifetime.

Musa said while it is true Aedes mosquitoes transmit the dengue virus, a person can only get infected if the mosquito had already bitten someone who has the virus.

He added that having a better understanding of the disease could help parents protect their children from becoming infected with dengue.

Parents can speak to healthcare providers about dengue and effective preventive measures. - Bernama